

Enam kes dilaporkan setiap hari

Terlanjur atau dirogol? Penyakit sosial dalam kalangan remaja bawah umur di negara ini memerlukan semua pihak untuk berganding bahu mencegahnya.

Tanpa mengira agama ataupun warna kulit, isu ini dilihat menjadi punca remaja perempuan mengandung anak luar nikah yang akhirnya membawa kepada gejala buang bayi.

Sama ada dilapor atau tidak, ianya boleh menjadi tidak terkawal jika tidak dicegah secara holistik. Ini bermaksud ibu bapa, pendidik, masyarakat dan kerajaan perlu berbuat sesuatu agar generasi ini tidak terus hanyut dengan kemodenan dan pengaruh media sosial.

Bukan mahu menuding jari menyalahkan sesiapa, natijahnya terletak kepada diri kita, apakah kita sudah berbuat sesuatu untuk mencegahnya? Jika belum mulakanlah dengan cara menegur.

Justeru, ikuti laporan khas *Sinar Harian* kali ini yang membawa isu dan persoalan mengenai penyakit masyarakat yang dilihat seolah-olah tiada penghujungnya....



JENNY ONG

mula di media sosial seperti *Facebook*, *Wechat* dan sebagainya. Dari situ mereka menjadi rapat sebelum merancang untuk bertemu. Bila sudah berjumpa, mulalah adegan 'ringan-ringan'.

"Si lelaki kemudiannya berjanji kononnya akan bertanggungjawab, mangsa pula yang mudah termakan janji-janji manis dan pujian akhirnya longlai sebelum keduanya terlanjur," katanya.

Jenny berkata, kebanyakan kes yang disiasat, mangsa mengetahui bahawa perbuatan mereka salah, namun dek kerana takut kehilangan kekasih mereka 'merelakan' perbuatan itu berlaku.

Menurutnya, pada 2013 statistik menunjukkan se-



Kebanyakan mangsa rogol mengenali si pelaku.

banyak 1,107 dari 2,124 kes membabitkan mangsa berumur bawah 15 tahun berbanding 1,243 pada 2014 dan 1,424 pada 2013.

Manakala, 80 peratus daripada kes rogol yang berlaku, mangsa mengaku mengenali si pelaku. Di mana sebanyak 1,020 kes membabitkan kenalan, 856 kes melibatkan teman lelaki dan 44 kes merupakan kenalan yang baharu

dikenali.

Jenayah rogol juga boleh berlaku kerana sikap remaja itu sendiri. Perasan ingin tahu membuatkan mereka ingin mencuba sesuatu yang baharu.

"Ia juga kesan daripada pengaruh bahan lucah yang mudah diperolehi. Selain di internet dengan bayaran RM10, mereka boleh muat turun pelbagai cerita lucah, kemudian

berkongsi dengan rakan.

"Masalah dalam institusi kekeluargaan. Ibu bapa tiada masa untuk anak-anak atas faktor kesibukan mencari kerja membuatkan anak merasakan kurang perhatian dan kasih sayang ibu bapa," katanya.

Atas faktor ini, mangsa mengambil keputusan mencari kasih sayang dengan orang lain, dan orang yang dicari adalah teman lelaki.

KUALA LUMPUR – Purata kira-kira enam kes rogol dilaporkan berlaku setiap hari di negara ini menunjukkan situasi itu berada pada tahap membimbangkan.

Separuh dari kes rogol itu pula membabitkan mangsa berusia bawah 15 tahun dengan separuh daripadanya melibatkan remaja berumur antara 13 hingga 15 tahun.

Manakala pasangan mereka kebanyakannya lebih ber-

usia berumur 18 tahun dan ke atas serta tidak bekerja.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Asisten Komisioner Jenny Ong Chin Lan berkata, walaupun statistik setiap tahun menunjukkan penurunan, namun situasi tersebut amat membimbangkan.

"Perkenalan biasanya ber-

Trauma sepanjang hayat

Sinar Harian
26/1/2016
m/s 12

SHAH ALAM – Akibat tekanan emosi, seorang wanita trauma sepanjang hayat akibat perbuatan terukut bapa saudara sendiri yang sanggup merogolnya ketika berusia 12 tahun.

Perwatakan 'alim' bapa saudaranya mungkin tiada siapa akan percaya, bahawa dirinya pernah menjadi mangsa rogol, jika perkara itu diadu kepada orang tuanya.

Peristiwa hitam itu dipendam seorang diri tanpa pengetahuan sesiapa termasuk suaminya sehingga dirinya kini bergelar doktor, sudah berkahwin serta mempunyai anak.

Ini antara kes yang diterima perunding motivasi dan kaunseling, Hushim Salleh di mana mangsa rogol ini telah mendapatkan khidmat kaunseling bagi menangani tekanan emosi yang dialami sejak sekian lama.

Hushim berkata, pihaknya menerima dua hingga tiga kes sebulan membabitkan kes rogol termasuk remaja perempuan bawah umur.

"Angka ini walaupun nampak sedikit, namun ia membimbangkan apa

yang berlaku di dunia teknologi moden dan remaja kian terdedah dengan media sosial yang mampu mempengaruhi mereka sekali gus terjerumus ke kancah maksiat," katanya.

Menurutnya, banyak faktor yang menyumbang berlakunya kes rogol remaja perempuan bawah umur.

Antaranya, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, rata-rata remaja perempuan tidak matang, dan mudah termakan kata-kata pujian dan pujuk rayu sang jejaka.

"Pengaruh media sosial dan bahan lucah menyebabkan mereka mudah terangsang turut menyumbang kepada kes rogol walaupun ia dilakukan atas dasar suka sama suka.

"Ia juga berpunca daripada institusi kekeluargaan itu sendiri. Kurang perhatian, kasih sayang dan komunikasi antara anak dan ibu bapa dan merasa kesunyian," katanya.

Akibat kekurangan inilah remaja perempuan mula mencari perhatian luar sama ada dengan kawan-kawan atau teman lelaki yang kononnya dapat memberikan kebahagiaan dan

mengubati duka.

Mangsa kenal pelaku

Berdasarkan kes-kes yang diterima Hushim, kebanyakan mangsa rogol remaja perempuan bawah umur ini mengenali si pelaku.

Menurut Hushim, jarang kes-kes rogol berlaku dalam kalangan mereka yang sebaya. Dalam memilih pasangan bercinta, remaja perempuan biasanya akan memilih lelaki yang lebih dewasa kerana kematangan mereka.

"Lelaki dewasa ini lebih pandai memujuk, memberi kasih sayang dan kebanyakan sudah bekerja, jadi sudah tentu mereka ini berduit. Ini kelebihan yang ada pada lelaki dewasa yang menjadi pilihan remaja perempuan.

"Dari segi psikologinya, perasaan ingin tahu dan keinginan untuk mencari identiti diri menyebabkan mereka terjebak dengan kegiatan tidak bermoral yang mendorong berlakunya hubungan seks," katanya.

Katanya, ada juga yang melakukannya kerana ketagihan terhadap seks.

INFO DEFINISI ROGOL/KESALAHAN / HUKUMAN

ROGOL

- Rogol adalah persetubuhan yang dilakukan tanpa kerelaan atau kemahuan mangsa (wanita).
- Age of consent dalam Jenayah Rogol ialah 16 tahun.
- Seksyen 375 (g) - persetubuhan dengan perempuan di bawah umur 16 tahun walaupun dengan kerelaannya adalah rogol.

KESALAHAN / HUKUMAN

- Seksyen 375 b Kanun Keseksaan – Melakukan rogol berkumpulan. (Penjara tidak kurang dari 10 tahun dan tidak melebihi dari 30 tahun).
- Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan – Bersetubuh dengan wanita bawah umur 16 tahun dengan kerelaan. (Penjara selama tempoh yang boleh sampai 20 tahun dan sebat).
- Seksyen 376 (2) Kanun Keseksaan – Penjara tidak kurang 5 tahun, dan tidak melebihi 30 tahun dan sebat terhadap sesiapa yang melakukan rogol terhadap kanak-kanak bawah umur:
 - a) Tanpa kerelaan perempuan yang berumur bawah 16 tahun.
 - b) Sama ada dengan kerelaan atau tidak, perempuan itu berumur bawah 12 tahun.

Namun, apabila mengetahui perbuatan yang dilakukan itu adalah salah, barulah timbul penyesalan yang akhirnya akan mengganggu emosi.

Pantau pergerakan anak

Kesibukan bekerja tidak boleh dijadikan alasan semata-mata. Ibu bapa tetap perlu memainkan peranan dalam mendidik anak-anak. Komunikasi ibu bapa dengan anak remaja mereka

amat penting.

Menurut Hushim, anak-anak perlu diajar baik buruk dalam pergaulan sesama kawan. Mereka perlu dipantau, dan peka dengan perubahan anak.

"Ibu bapa perlu merapati anak-anak mereka. Perlu diajar dan diselami jiwa mereka. Ibarat menarik rambut dalam tepung. Rambut tidak putus tepung tidak berserakan," katanya.